

KECEMERLANGAN FUTUHAT ISLAMIYYAH ERA KHULAFĀ' AL-RASHIDIN

(The Excellence of *Futuhat Islamiyyah* in the Era of *Khulafā' Al-Rashidin*)

Ermy Azziaty Rozali*
Zamri Ab Rahman**

Abstrak

Zaman Khulafā' al-Rashidin merupakan antara “era keemasan” pemerintahan dan ketamadunan Islam. Hal ini kerana, sungguhpun kuasa Islam baru bertapak di persada dunia, namun secara pantas pesaing baru ini dapat menguasai dua pertiga dunia yang menyaksikan kehancuran empayar Rom dan Parsi, dua buah kuasa besar yang telah lama mendominasi aktiviti penaklukan wilayah-wilayah baru ketika itu. Justeru, artikel ini akan membahaskan mengenai kecemerlangan futuhat yang telah dicapai oleh setiap khalifah di zaman masing-masing yang telah memberi sumbangan melonjakkan kehebatan Islam. Artikel ini menggunakan pendekatan analisis kandungan terhadap pelbagai sumber primer dan sekunder. Kajian dilakukan berdasarkan kaedah analisis sejarah terhadap peristiwa yang berlaku. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kecemerlangan futuhat di zaman Khulafā' al-Rashidin menjadikan sebahagian besar wilayah kekuasaan Empayar Rom di bahagian Timur Tengah, Mesir dan Afrika Utara berjaya ditakluki dan dibuka oleh tentera Islam. Pada masa yang sama, pemerintahan Islam juga dapat menghancurkan empayar Parsi yang terpaksa menyerahkan seluruh wilayah kekuasaannya di bahagian Timur kepada tentera Islam. Kecemerlangan futuhat ini lebih manis lagi apabila penguasaan Islam turut meluas ke wilayah bukan Arab dengan jayanya seperti di Armenia, Azerbaijan, Tabaristan dan sebagainya.

Kata kunci: Kecemerlangan, *Futuhat Islamiyyah*, *Khulafā' al-Rashidin*, Sejarah Islam, Rom, Parsi

Abstract

The Khulafā' al-Rashidin era is among the “golden age” of Islamic governance and civilization. This is because, albeit being a new power in the eyes of the world, this new competitor swiftly dominated two-thirds of the world by witnessing the downfall of the Rome and Persian empires, the two major powers that had long dominated the conquest activity of new areas of that time. This article will discuss the futuhat excellence of each khalifah during their respective terms which has contributed towards escalating the glory of Islam. This study approaches the primary and secondary sources through content analysis and historically analyses the past events. The result shows that the futuhat excellence during the Khulafā' al-Rashidin era is evident through the Muslim armies' takeover of the majority of the Empire Rome's territory in the Middle East, Egypt and Northern Africa. At the same time, the Muslim power overturned the Persian Empire who had to surrender their territory in the East to the Muslim military. The futuhat excellence became more meaningful when the Muslims further expanded their power to non-Arab territories such as Armenia, Azerbaijan and Tabaristan.

Keywords: Excellence, *Futuhat Islamiyyah*, *Khulafā' al-Rashidin*, Islamic history, Rome, Persian

Pengenalan

Pemerintahan era Khulafā' al-Rashidin, yang berpusat di Madinah selama tiga puluh lapan tahun sangat signifikan dalam menentukan hala tuju dan perkembangan agama Islam. Sebelum kewafatan Nabi Muhammad s.a.w, seluruh Semenanjung Tanah Arab telah dapat ditakluki di bawah pemerintahan dan kekuasaan Islam. Gelombang penyebaran dakwah melalui perluasan wilayah di luar Semenanjung Tanah Arab kemudiannya semakin rancak sebaik sahaja kerajaan Islam diperintah oleh Khulafā' al-Rashidin yang dimulai oleh khalifah yang pertama.

Definisi dan Matlamat *Futuhat*

Menurut *Mu'jam al-Mā'ani al-Jāmi'* - *Mu'jam 'Arabi 'Arabi*,¹ kalimah *futuhat* bermaksud sebarang negara yang dibuka dan ditakluki oleh tentera Islam melalui perperangan. Manakala *al-Fath al-Islami* pula membawa erti

* Ermy Azziaty Rozali, Ph.D, Profesor Madya, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Email: ermy@ukm.edu.my

** Zamri Ab Rahman, Jabatan Pengajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

¹ <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/dict/ar-ar/> {18 Oktober 2017}

sampai dan tersebarnya agama Islam ke dalam negara yang dibuka selepas perang. Justeru, dapat difahami bahawa penaklukan Arab bukan bermaksud merampas tanah dan menjajah penduduk, tetapi sebaliknya bertujuan untuk keperluan berjihad di jalan Allah dan pada masa yang sama menyebarkan dakwah ke seluruh penjuru dunia. Maka tidak hairanlah, kesungguhan para sahabat menjalankan misi dakwah Islam ini membawakan hasil apabila berjaya menguasai dua pertiga dunia, bermula dari sempadan negara China di sebelah timur sehingga ke pantai barat Lautan Atlantik (Andalus) dalam masa kurang daripada seratus tahun. Sementara itu menurut Shakir, kalimah *al-futuhat* bukanlah bermaksud memerangi musuh semata-mata ingin mengalahkan dan menjajah wilayah mereka, tetapi hakikat sebenarnya ialah satu penaklukan yang bertujuan meninggikan kalimah Allah di atas muka bumi dengan menyebar risalah hak dan kebenaran Islam yang menjadi visi utama manusia diciptakan.²

Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w telah menegaskan bahawa Islam akan menguasai seluruh pelusuk dunia. Hal ini dijelaskan berdasarkan sebuah hadis berikut:

عن تميم الداري، قال: قال رسول الله عليه وسلم: أَيْتَلْعَنُ هَذَا الْأَمْرُ مَا بَلَغَ اللَّهِ وَالنَّهَارُ، وَلَا يَنْرُكَ اللَّهِ بَيْتَ مَدْرِ وَلَا وَبِرٍ إِلَّا أَدْخَلَهُ اللَّهُ هَذَا الْدِينُ، بِعَزِيزٍ أَوْ بِذُلْلٍ ذَلِيلٍ، عِزًا يُعْزُّ اللَّهُ بِهِ الْإِسْلَامُ، وَذُلًّا يُذْلِلُ اللَّهُ بِهِ الْكُفُّرُ³

Maksudnya: Daripada Tamim al-Dari katanya, Rasulullah s.a.w bersabda “Islam akan pasti sampai ke seluruh pelusuk dunia sebagaimana sampainya malam dan siang. Allah tidak akan membiarkan sebuah rumah pun, sama ada di kota ataupun di desa tanpa memasukkan agama ini ke dalamnya dengan kemuliaan yang dimuliakan atau kehinaan yang dihinakan. Dengan kemuliaan tersebut, Allah S.W.T akan mengangkat martabat Islam dan sebaliknya, dengan kehinaan tersebut, Allah akan menghinakan kekufuran”

Menurut al-Buttush, matlamat *futuhat* yang dilakukan bertujuan meninggikan kalimah tauhid dan mendaulatkannya di atas muka bumi di samping memerdekaan manusia daripada kesesatan dan segala bentuk pengaruhnya. Seterusnya para sahabat menyedari bahawa pergantungan hidup hanyalah semata-mata kepada Allah s.w.t sebagai syarat utama mendapat kejayaan di dunia dan akhirat. Hal ini dapat dilihat melalui jawapan Rab'i ibn 'Amir ketika ditanya oleh Panglima Rustam tujuan Islam datang berperang:

Allah mengutuskan kami (orang Islam) kepada kamu untuk membebaskan kamu daripada mengabdikan diri sesama manusia kepada mengabdikan diri terhadap Allah s.w.t, daripada kesempitan dunia kepada keluasan akhirat, daripada kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam.

Tambah beliau lagi, misi *Futuhat* yang digariskan oleh Rasulullah s.a.w ini kemudiannya direalisasikan oleh khalifah selepas Baginda, bertujuan menegakkan sebuah kerajaan Islam yang mapan dan mampu membendung segala ancaman, sama ada bahaya yang datang dari dalam maupun luar. Kestabilan politik negara Islam Madinah akan memberi peluang yang lebih cerah kepada orang Islam untuk mengembangkan dakwah Islam ke seluruh Semenanjung Tanah Arab yang sangat kaya dengan sumber manusia dan modal insan yang nantinya mereka akan menjadi duta dakwah yang bertebaran ke seluruh pelusuk dunia.⁴

Ulasan Kepustakaan

Perbahasan dan kupasan mendalam berkaitan ketenteraan Islam, khususnya berkaitan kecemerlangan *futuhat* telah dilakukan oleh beberapa ilmuwan silam dan kontemporari seperti al-Baladhuri (1988), Ibn Kathir (1977 & 1987), Ibn al-Athir (1987), al-Misri (1994), al-Tabari (1966), al-Waqidi (1997), al-Sallabi (2004 & 2005), al-Umri (1992), al-Shaykh (2003), Mohd Rashad Shamsuddin (2009), Marzuki Haji Mahmood (1994), Fecri Kusuma (2013), Doak (2005), Akram (1994), Ezad Azraai Jamsari et al. (2013) serta al-Buttush (2014).

Ibn Kathir (1977 & 1987), al-Tabari (1966) dan Ibn al-Athir (1987) misalnya, mereka telah memuatkan dalam kitab yang dianggap sebagai sebuah ensiklopedia sejarah yang telah melaporkan dengan terperinci aktiviti ketenteraan Islam yang menyumbang kepada pembukaan wilayah-wilayah baru Islam atas nama *futuhat*

² Shakir, Mahmud (2002), *Mausu'at al-Futuhat al-Islamiyyah*. ^c Amman: Dar 'Usamah li al-Nashr wa al-Tawzi', h. 8

³ al-Hakim, *al-Mustadrak* ^c Ala al-Sohihayni, Kitab al-Fitan wa al-Malahim. No. 8326. Lihat al-Naysaburi, Muhammad ibn ^c Abd Allah al-Hakim (1990) *al-Mustadrak* ^c ala al-Sohihayni. Tahqiq. ^c Ata, Mustafa ^c Abd al-Qadir. Jil. 4, Bayrut: Dar al-Ma'rifah, h. 477

⁴ al-Buttush, Yahya Bashir Hamid (2014), *Perancangan Ketenteraan dalam al-Sunnah*, Terj. Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera, Kuala Lumpur: Penerbit Markas Angkatan Tentera Malaysia, h. 320

bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w. sehingga era selepasnya. Selanjutnya, hal yang sama juga telah digarap oleh al-Baladhuri (1988) dan al-Misri (1994) yang banyak membahaskan mengenai pembukaan dan penaklukan wilayah Islam khususnya di Sham, Iraq, Mesir, Parsi, Afrika Utara, Transoxiana serta Andalus. Manakala penulisan terkini berkaitan pemerintahan era Khulafa' al-Rashidin yang mengupas aspek politik, ekonomi, sosial dan misi *futuhat* telah dicerakinkan oleh beberapa penulis seperti al-Sallabi (2004 & 2005), al-Umri (1992), al-Shaykh (2003), Mohd Rashad Shamsuddin (2009).

Sementara itu, Febri Kusuma (2013) dalam penulisan beliau pula menumpukan kepada aspek yang menjurus kepada *futuhat* era Khulafa' al-Rashidin dengan begitu teliti bermula daripada pemerintahan Abu Bakar al-Siddiq sehingga era Ali ibn Abi Talib. Pun begitu, agak menarik pula kajian yang dibuat oleh Marzuki Haji Mahmood (1994) yang cuba merungkai berkaitan isu-isu kontroversi dalam sejarah pemerintahan Khulafa' al-Rashidin khususnya sekitar pemerintahan Khalifah Uthman ibn Affan dan 'Ali ibn Abi Talib. Walau bagaimanapun, kajian beliau tidak banyak memfokuskan kepada isu *futuhat*. Selanjutnya Ezad Azraai Jamsari et al. (2013) telah mengupas dengan terperinci rentetan perperangan yang berlaku dalam sejarah ketenteraan Islam berdasarkan laporan sejarawan Islam terulung pada abad ke-8H/14M, Ibn Kathir al-Dimashqi (700-774H/1301-1373M) menerusi karya agungnya, *al-Bidayah wa al-Nihayah* bermula dari zaman Rasulullah s.a.w., Khulafa' al-Rashidin, Umawi, Abbasi, Ayyubi dan Mamluki.

Walaupun terdapat banyak penulisan dan kajian yang telah membahaskan isu *futuhat* ini, namun ia agak terlalu panjang dan menyukarkan khalayak pembaca untuk mendalaminya dan memahami dengan cepat dan pantas. Justeru, penulisan ini sangat relevan dilakukan bagi memudahkan masyarakat Islam khususnya di Malaysia mengetahui dengan jelas aspek kecemerlangan *futuhat* Islam yang dicerakin secara langsung daripada sumber asal yang muktabar.

Era Khulafa' al-Rashidin (11-40H/632-661M)

Khulafa' al-Rashidin bererti wakil-wakil atau khalifah-khalifah yang benar atau lurus. Mereka adalah pewaris kepimpinan Rasulullah selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. Pelantikan mereka dibuat secara Shura atau pilihan khalifah sebelumnya. Allah s.w.t telah menjelaskan bahawa selepas kewafatan Rasulullah s.a.w, maka akan bermulalah era Khulafa' al-Rashidin yang akan memerintah dunia dengan penuh kejayaan dan kegemilangan sehingga berjaya meruntuhkan dominasi empayar Rom dan Parsi yang telah lama wujud sebelum kedatangan sejak beberapa kurun lalu⁵ serta seterusnya menjadi jambatan kepada para pendakwah Islam menyeru mereka kepada keesaan Allah s.w.t.

Kedudukan ini dijelaskan melalui wahyu Allah s.w.t seperti berikut:

وَعَدَ اللَّهُ الْأَكْبَرُ أَمِنِّيَّا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصالَّاتِ لَيَسْتَحْلِفُوهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَمْ يُمْكِنْ لَهُمْ دِينُهُمُ الَّذِي ارْتَضَى لَهُمْ
وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِنْ بَعْدِ حُوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ⁶

Maksudnya: Allah menjanjikan orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang yang sebelum mereka khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredayai-Nya untuk mereka; dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh).

Berdasarkan firman Allah di atas, al-Tabari dalam *Tafsir Jami' al-Bayan* telah menyatakan bahawa Allah s.w.t telah menjanjikan kepada orang Islam untuk mewarisi bumi ini yang sebelumnya telah dikuasai oleh orang-orang Musyrikin dan selainnya dengan mengangkat mereka sebagai khalifah dan pemegang kekuasaan.⁷ Sementara itu, al-Qurtubi dalam *Kitab al-Jami' li Ahkam Al-Qu'r'an* yang mengambil pandangan al-Dahhak dalam kitabnya *al-Nuqash* mengatakan bahawa ayat di atas membawa pengertian kepada kekhilafahan Abu Bakar al-Siddiq ibn Abi Quhafah, Umar ibn al-Khattab, Uthman ibn al-Affan dan Ali ibn Abi Talib kerana

⁵ al-Ali, Salih Ahmad (2004), *al-Futuhat al-Islamiyyah*. Bayrut: Sharikat al-Matbu'ah li al-Tawzi' wa al-Nashr

⁶ al-Nur (24):55

⁷ Beliau ialah Abu Ja'far ibn Jarir ibn Yazid ibn Ghilib al-Amuli tetapi lebih masyhur dengan nama al-Tabari. Seorang yang menguasai semua bidang ilmu khususnya Sejarah, Tafsir dan Hadith. Dilahirkan di Tabaristan, Iran dan mula mendalami ilmu agama semasa berusia enam tahun. Berpindah ke Baghdad dan menetap di sana selepas membuat pengembaraan ilmiah ke beberapa buah tempat. Lihat al-Tabari (1966), *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*. Jil. 3. Bayrut: Dar al-Turath, h. 208. Lihat juga al-Hamawi, Yaqt (1993), *Mu'jam al-Udaba'*. Tahqiq. 'Abbas, Ihsan, Jil. 6, Bayrut: Dar al-Garb al-Islami, h. 2441

kedudukan mereka sebagai orang yang beriman dan beramal soleh. Seterusnya al-Qurtubi juga menukarkan garapan Ibn al-Arabi⁸ dalam kitabnya *Ahkam Al-Qur'an* yang melaporkan bahawa kebanyakan ulama menghujahkan ayat tersebut sebagai petunjuk dan dalil kepada lahirnya pemerintahan keempat-empat Khulafa' al-Rashidin selepas kewafatan Rasulullah s.a.w.⁹

Era Khalifah Abu Bakar al-Siddiq ibn Abi Quhafah (11-13H/632-634M)

Setelah wafatnya Rasulullah s.a.w, orang-orang Ansar dan Muhajirin melantik Abu Bakar al-Siddiq sebagai Khalifah al-Rashidin yang pertama. Beliau bukan sahaja bertindak sebagai ketua pentadbiran di Madinah, bahkan antara bidang kuasa yang dipikul adalah sebagai pakar rujuk bagi memberikan petunjuk dan panduan yang diperlukan dalam menyelesaikan sebarang permasalahan berkaitan hukum-hukum serta menegakkan keadilan di antara mereka.¹⁰ Walaupun Khalifah Abu Bakar mempunyai masa pemerintahan yang sangat pendek dan terpaksa menghabiskan banyak masa memberikan tumpuan memerangi golongan orang murtad dan mereka yang enggan membayar zakat serta mengaku sebagai Nabi, tetapi beliau masih berjaya menghantar misi ketenteraan untuk tujuan *futuhat* dalam usaha memperluaskan empayar Islam khususnya di wilayah-wilayah Rom dan Parsi.

Futuhat di Wilayah Iraq Era Khalifah Abu Bakar

Pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar, salah sebuah kuasa besar yang sering memusuhi Islam ialah Empayar Parsi, berlokasi di sebelah Timur Laut Semenanjung Tanah Arab. Keampuhan kerajaan ini dapat diperhatikan apabila mereka dengan mudahnya menguasai Iraq dan jajahan di sekelilingnya tanpa sebarang tentangan sengit sehingga munculnya kerajaan Islam. Kedudukan Parsi yang menjadi negara *super power* tidak menghairankan kerana mereka telah menguasai wilayah Iraq dan kawasan sekelilingnya sejak sekian lama menyebabkan ramai penduduk yang terpaksa tunduk di bawah kekuasaan mereka termasuk sejumlah besar kabilah-kabilah Arab yang berada di kawasan sempadan.¹¹ Kabilah-kabilah ini terpaksa akur dan bekerja di bawah pemerintahan Raja Parsi. Daripada sudut strategi, penguasaan Parsi ke atas wilayah Iraq ini sangat menguntungkan kerana kedudukannya yang menjadi jalan perhubungan antara Asia, Eropah, dan Afrika.

Khalifah Abu Bakar seorang yang berpandangan jauh, berwawasan tinggi dan melihat bahawa pengembangan dakwah Islam akan lebih lancar dan mudah jika kuasa Parsi dapat dikalahkan. Untuk menjayakan rancangannya itu, Khalifah Abu Bakar mengatur strategi dengan menghantar pasukan tentera yang membuat kemaraan secara serentak ke Iraq dalam dua pasukan yang berasingan bagi memperlihatkan kekuatan gerak gempur yang lebih menyeluruh. Kedua pasukan itu nantinya diarahkan untuk bergabung di wilayah Hirah¹² selepas melakukan misi *futuhat* di bandar-bandar yang akan dilalui sepanjang kemaraan ke Hirah. Pasukan pertama diketuai oleh Khalid ibn al-Walid dan dibantu oleh beberapa orang panglima perang yang lain seperti Muthanna ibn Harithah al-Shaybani, Asim ibn Amr Tamimi dan Adi ibn Hatim yang diutus melalui Yamamah¹³ ke selatan Iraq pada tahun 12H/633M.¹⁴

Setelah memasuki Iraq, bandar pertama yang berjaya ditakluki pasukan Khalid ialah Kazimah,¹⁵ sebuah bandar yang menjadi kubu pertahanan kuat Parsi setelah menewaskan panglima Hurmuz dalam satu peperangan yang

⁸ Ibn al-'Arabi (2003), *Ahkam al-Qur'an*, Tahqiq. 'Ata, Muhammad 'Abd al-Qadir. jil. 3. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 409

⁹ Nama penuh al-Qurtubi ialah Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Bakr ibn Farh al-Ansari al-Khazraji Shams al-Din. Beliau merupakan seorang ahli Fiqh, Tafsir dan sangat menguasai Bahasa Arab. Lahir di bandar Qurtubah, tetapi berhijrah Mesir sehingga menetap di sana. Lihat al-Qurtubi (1964), *al-Jami' li Ahkam Al-Quran*. Tahqiq. al-Bardawi, Ahmad & Atfish, Ibrahim. Jil. 12, Qahirah: Dar al-Kutub al-Misriyyah, h. 297

¹⁰ Marzuki Haji Mahmood (1994), *Isu-isu Kontroversi dalam Sejarah Pemerintahan Khulafa' al-Rashidin*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 17

¹¹ Cadangan al-Muthanna ibn Harithah untuk memerangi Parsi yang sering mengancam orang-orangnya (suku al-Shaybani) di sempadan menjadi titik tolak kepada permulaan tentera Islam memerangi Parsi. Lihat al-Baladhuri, Ahmad ibn Yahya ibn Jabir ibn Dawud (1988), *Futuh al-Buldan*, Bayrut: Dar wa Maktabat al-Hilal, h. 238

¹² Hirah ialah sebuah bandar di Iraq yang jaraknya tiga batu daripada Kufah. Bandar ini penting ditakluki kerana kedudukannya yang strategik yang boleh dijadikan sebagai pusat dan pangkalan hadapan utama tentera Islam di Iraq. Lihat al- Hamawi, Yaqut (1995), *Mu'jam al-Buldan*. Jil. 2, Bayrut: Dar Sadir, h. 328

¹³ Yamamah sebuah adalah sebuah wilayah di Najd yang dibuka oleh Khalid ibn al-Walid dan tempat terbunuhnya Musaylamah al-Kazzab. *Ibid.*, (1995), jil. 5, h. 441

¹⁴ Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il (2002), *Tartib wa Tahzib al-Bidayah wa al-Nihayah*, Terj. Abu Ihsan al-Atsari, Jakarta.: Dar Haq, h. 119-120

¹⁵ Kazimah adalah sebuah bandar di Iraq berdekatan Basrah yang sering disebut oleh penyair dalam syair mereka. Lihat al- Hamawi (1995), *Op.cit.*, jil. 4, h. 431

bernama *Zat al-Salsil*. Selepas itu, Khalid meneruskan kemaraannya ke bandar Al-Uballah¹⁶ dan Diyar Mudar¹⁷ pada tahun yang sama dan berjaya menundukkan tentera Parsi di sana. Walaupun terdapat cubaan seterusnya daripada tentera Parsi dengan lebih hebat selepas itu bagi menghalang pergerakan tentera Islam, namun ianya tidak berjaya menghalang Khalid meneruskan kemaraannya menakluki pula bandar Walajah,¹⁸ Ullays,¹⁹ Amghishaya²⁰ dan al-Maqar.²¹

Penaklukan yang paling penting pada tahun tersebut ialah penaklukan kota Hirah kerana kedudukan bandar ini sebagai pangkalan hadapan tentera Parsi di Iraq. Kejatuhan kota ini menjadi titik tolak kepada kemaraan tentera Islam ke wilayah yang lebih jauh. Hal ini disebabkan kedudukan kota ini yang sangat berstrategik sebagai pangkalan hadapan yang cukup mudah memantau pergerakan musuh. Selain itu, misi ketenteraan juga dapat digerakkan dengan lebih berkesan dengan menjadikannya sebagai pusat operasi. Kejatuhan bandar utama ini memberi impak yang buruk dan melemahkan reputasi kekuatan Parsi. Pada masa yang sama juga mendatangkan kebimbangan yang tinggi kepada mereka kerana beberapa bandar kecil di sekeliling Hirah telah mula berpaling tada dengan memberi ketaatan kepada kerajaan Islam.

Sementara itu, kemaraan pasukan sayap kedua pimpinan Iyad ibn Ghanam yang digerakkan ke utara Iraq melalui Hijaz mendapat tentangan sengit dan berjaya disekat di Dawmatul Jandal²² sehingga beliau terpaksa meminta bantuan pasukan Khalid. Menggunakan kepakarannya yang sarat dengan strategi peperangan, sebelum bergerak ke Dawmatul Jandal, Khalid terlebih dahulu membuat pergerakan yang tidak dijangkakan oleh musuh apabila terlebih dahulu bergerak menakluki wilayah Anbar²³ di bahagian utara Iraq sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan mereka menghulurkan bantuan ketenteraan dan mengepung tentera Khalid daripada belakang ketika di Dawmatul Jandal nanti. Selepas misi ini berhasil, beliau terus menuju ke Dawmatul Jandal tanpa sebarang kebimbangan lagi. Walaupun terdapat sedikit penentangan oleh tentera Parsi ketika melintasi di ‘Ain Tamar²⁴, namun itu tidak menghalang Khalid untuk akhirnya bergabung dengan pasukan ‘Iyad ibn Ghanam bagi berganding bahu menggempur Dawmatul Jandal.²⁵

Selepas misi berjaya, pasukan Khalid kembali semula ke Hirah dan berjaya menundukkan pemberontakan penduduk di Lembah al-Hasid dan al-Khanafis²⁶ yang cuba bangkit mengancam kedudukan tentera Islam di Anbar yang telah berjaya ditawan sebelum setelah termakan dengan hasutan saki baki tentera Parsi. Seterusnya Khalid berjaya membuka baki dua wilayah terakhir iaitu Musayyakh²⁷ dan Firad²⁸ yang berada di sempadan Sham. Kesemua *futuhat* ini berlaku pada tahun 12H/633M.

Futuhat di Wilayah Sham Era Khalifah Abu Bakar

Sementara itu, Kerajaan Rom merupakan sebuah kuasa besar yang mendominasi pemerintahan di bahagian utara Semenanjung Tanah Arab yang terdiri daripada Syria, Palestin dan Jordan. Menurut laporan al-Baladhuri,²⁹ apabila Khalifah Abu Bakar mendapati kuasa besar ini cuba memberi ancaman kepada Islam, maka beliau merancang melancarkan misi jihad yang lebih besar bagi menghentikan tindakan Empayar Rom ini. Justeru, pada awal tahun 13H/634M, Khalifah Abu Bakar telah memilih empat orang panglima Islam yang diketuai oleh panglima tertinggi Abu ‘Ubaydah ibn al-Jarrah untuk melaksanakan misi penaklukan ke wilayah-

¹⁶ Al-Uballah ialah sebuah negeri di pesisir sungai Tigris di pintu masuk kota Basrah, Iraq. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 76

¹⁷ Diyar Mudar ialah sebuah tempat di Timur Sungai Furat, Iraq. *Ibid.*, (1995), jil. 2, h. 494

¹⁸ Walajah sebuah daerah di Iraq berdekatan al-Qadisiyyah. *Ibid.*, (1995), jil. 5, h. 383

¹⁹ Ullays sebuah perkampungan di wilayah Anbar utara Iraq. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 248

²⁰ Amghishaya ialah sebuah tempat di Iraq yang menyaksikan pertempuran antara tentera Islam pimpinan Khalid ibn al-Walid dengan tentera Parsi. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 252

²¹ Maqar ialah sebuah tempat berdekatan Sungai Furat, Iraq. Di sinilah berlakunya pertempuran antara tentera Khalid dengan Rom semasa zaman Khalifah Abu Bakar. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 174

²² Dawmrah al-Jandal ialah sebuah kubu dan perkampungan di antara Sham dan Madinah. Lihat al-Hamawi. *Ibid.*, (1995), jil. 2, h. 487

²³ Anbar ialah sebuah bandar pergunungan di utara Iraq berdekatan Balkh. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 257

²⁴ ‘Ain Tamar merupakan sebuah negeri yang berhampiran dengan Anbar di sebelah Barat Kufah. Negeri ini sangat terkenal dengan pengeluaran kurma yang banyak. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 176

²⁵ Kamal, Ahmad Adil (2010), *Atlas of the Islamic Conquest*, Riyad: Dar al-Salam, h. 82-90. Lihat juga al-‘Umri, Akram Diya’ (1992), *Asr al-Khilafah al-Rashidah*, Madinah: Maktabat al-‘Abikan, h. 355

²⁶ al-Hasid dan al-Khanafis adalah dua buah wilayah di Iraq yang dikuasai oleh orang Arab semasa era Khalifah Abu Bakar berdekatan Anbar. Lihat al-Hamawi (1995), *Op.cit.*, jil. 2, h. 391

²⁷ al-Musayyakh terletak berhampiran Hawran yang telah dibuka oleh Khalid setelah mengalahkan Bani Taghib yang menyokong kerajaan Rom. *Ibid.*, (1995), jil. 5, h. 144

²⁸ Firad ialah sebuah tempat di antara Basrah dan al-Yamamah. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 243

²⁹ al-Baladhuri, (1988), *Op. cit.*, h. 111-113

wilayah kekuasaan Rom yang masing-masing diketuai oleh Yazid ibn Abi Sufyan untuk menuju ke Dimashq,³⁰ Shurahbil ibn Hasanah ditugaskan ke Jordan,³¹ Ubaydah ibn al-Jarrah ke Hims³² dan Amru ibn al-As akan bergerak ke Palestin.³³ Pasukan Amru ibn al-As tidak menghadapi masalah menakluki beberapa buah bandar penting di Palestin seperti Gazzah,³⁴ Sabastiyah,³⁵ Nablus,³⁶ Ludd,³⁷ Yubna,³⁸ Imawas,³⁹ Bayt Jibrin⁴⁰ dan Yafa⁴¹. Sementara itu, di Dimashq pula tentera Islam pimpinan Yazid ibn Abi Sufyan ini turut berjaya menduduki Arrabah⁴² dan Dathin⁴³ setelah mengalahkan tentera Rom.

Menurut catatan beberapa sejarawan, antaranya Ibn Kathir,⁴⁴ al-Liham,⁴⁵ dan al-Tabari,⁴⁶ selepas berlaku perperangan dan pertempuran yang hebat seperti Perang Ajnadayn⁴⁷ dan Yarmuk⁴⁸, akhirnya beberapa wilayah penting di bawah kekuasaan Rom seperti Busra,⁴⁹ Kufah,⁵⁰ Ajnadayn dan Dimashq dapat ditakluki. Hal ini menjadi lebih mudah apabila pasukan mereka turut dibantu oleh Khalid ibn al-Walid yang menerima perintah daripada Sayyidina Abu Bakar untuk bergerak dan bergabung dengan sayap pasukan Islam ini. Menerajui pemerintahan selama dua tahun amatlah singkat, namun dalam tempoh yang pendek ini, Khalifah Abu Bakar telah berjaya meletakkan asas yang kukuh bagi pertumbuhan dan perkembangan negara Islam sehingga mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan kuasa besar Rom dan Parsi.

Era Khalifah Umar ibn al-Khattab (13-23H/634-644M)

Legasi kepimpinan Islam diteruskan lagi oleh Sayyidina Umar ibn al-Khattab yang mengambil alih jawatan khalifah selepas kewafatan Khalifah Abu Bakar. Dalam pemerintahan Khalifah Abu Bakar sebelumnya, hanya sebahagian kecil wilayah jajahan Rom dan Parsi dapat ditawan oleh pasukan tentera Islam. Justeru, tindakan pertama Khalifah ^cUmar, selain mempertahankan kedaulatan kawasan yang dimiliki, beliau nekad memposisi tentera Islam bagi meneruskan misi *futuhat* secara lebih holistik dengan memasuki keseluruhan rantau kedua-dua empayar tersebut.⁵¹ *Futuhat* yang direkodkan paling sempurna ini sebenarnya berstrategi serampang dua mata, pertamanya selain ingin memastikan perkembangan dakwah Islam terus mekar dan tidak tersekat, ianya juga bertujuan memelihara keamanan dan keselamatan orang-orang Islam yang berada di sempadan supaya

³⁰ Dimashq adalah sebuah negeri yang sangat masyhur di Sham. Dikatakan menjadi syurga dunia kerana kecantikan bangunan dan binaannya serta kelebihannya yang mempunyai banyak hasil buah-buahan, banyak sumber air dan terdapat empangan besar. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 2, h. 463

³¹ Jordan merupakan sebuah negeri yang luas merangkumi wilayah al-Gawr, Tabariyyah, Suwar dan ^cAkka. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 147

³² Hims ialah sebuah bandar di antara Dimashq dan Halab (Aleppo) yang dibuka oleh ^cUbaydah ibn al-Jarrah. *Ibid.*, (1995), jil. 2, h. 302

³³ Palestin merupakan sebuah wilayah bersempadan dengan Mesir. Ibu kotanya ialah Bayt al-Maqdis dan mempunyai beberapa bandar utama seperti ^cAsqalan, al-Ramlah, Gazzah, Qaysariyyah, Nablus, Ariha, ^cAmman, Yafa dan Bayt Jibrin. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 274. Menurut al-Baladhuri, perperangan pertama antara tentera Islam menentang Rom ialah bertempat di bumi Palestin. Lihat al-Baladhuri (1988), *Op. cit.*, h. 140

³⁴ Gazzah ialah sebuah bandar di Palestin dalam wilayah Sham di sebelah Barat ^cAsqalan. Di sinilah tempat lahirnya Imam Shafi'i. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 4, h. 202

³⁵ Sabastiyah ialah sebuah bandar yang berlokasi di Palestin yang mana jarak antaranya dengan Bayt al-Maqdis memakan masa selama dua hari perjalanan. Di sinilah letaknya maqam Nabi Yahya dan Zakariyya dan beberapa nabi serta para ulama' yang lain. *Ibid.*, (1995), jil. 3, h. 184

³⁶ Nablus ialah sebuah bandar terkenal di Palestin yang terletak di antara dua pergunungan. *Ibid.*, (1995), jil. 5, h. 248

³⁷ Ludd ialah sebuah perkampungan berdekatan Bayt al-Maqdis yang disebut sebagai tempat Nabi ^cIsa akan membunuh Dajjal. *Ibid.*, (1995), jil. 5, h. 15

³⁸ Yubna ialah sebuah wilayah berdekatan Ramlah, Palestin yang mana dimaqamkan beberapa sahabat, antaranya Abu Hurairah. *Ibid.*, (1995), jil. 5, h. 428

³⁹ Imawas ialah sebuah bandar berdekatan Bayt al-Maqdis dan dikatakan penyakit taun di zaman Sayyidina ^cUmar bermula dari wilayah ini. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 157

⁴⁰ Bayt Jibrin ialah sebuah tempat di antara Bayt al-Maqdis dan Gazzah. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 519

⁴¹ Yafa ialah sebuah bandar di persisiran laut Sham di Palestin. *Ibid.*, (1995), jil. 5, h. 426

⁴² Arrabah ialah sebuah bandar berdekatan Akka di pesisir pantai wilayah Sham. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 92

⁴³ Dathin ialah nama sebuah tempat di kawasan pergunungan Sham. *Ibid.*, (1995), jil. 2, h. 439

⁴⁴ Ibn Kathir (1977). *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Tahqiq. al-Turki, ^cAbd Allah ibn ^cAbd al-Muhsin. Jil. 9. t.t.p.: Dar al-Hijr li al-Tabaa'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi wa al-I'lān, h. 545

⁴⁵ al-Liham, Ahmad Bek (1986). ^cAbqariyyah Khalid ibn al-Walid al-^cAskariyyah. Jeddah: Dar al-Manarah, h. 35-42

⁴⁶ al-Tabari (1966), *Op. cit.*, jil. 3, h. 406

⁴⁷ Ajnadin ialah sebuah tempat terkenal di Sham, Palestin di mana berlakunya perperangan antara tentera Islam dan Rom yang menyaksikan kemenangan Islam dibayar dengan harga mahal apabila beberapa tokoh sahabat besar telah shahid seperti ^cAbd Allah ibn Zubayr, ^cIkrimah ibn Abi Jahal, al-Harith ibn Hisham. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 1, h. 103

⁴⁸ Yarmuk ialah sebuah wadi berdekatan Sungai Jordan yang menyaksikan berlakunya satu perperangan Yarmuk antara tentera Islam dan Rom di zaman Abu Bakar di bawah pimpinan beberapa panglima Islam seperti Khalid ibn al-Walid, Yazid ibn Abi Sufyan, Shurahbil ibn Hasanah dan ^cAmru ibn al-^cAs. *Ibid.*, (1995), jil. 5, h. 434

⁴⁹ Busra ialah sebuah tempat di Dimashq yang merupakan salah sebuah penempatan di Hawran, Sham. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 441

⁵⁰ Kufah merupakan sebuah wilayah yang sangat terkenal di Iraq. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 490

⁵¹ Doak, Robin (2005), *Empire of the Islamic World*, New York: Facts on File, Inc., h. 26

bebas daripada diancam oleh kerakusan dua kuasa besar ini. Justeru, misi Khalifah ^cUmar ibn al-Khattab ialah menyempurnakan usaha perluasan wilayah dan pengembangan Islam di kawasan jajahan takluk Parsi dan Rom yang telah dilakukan pada zaman Khalifah Abu Bakar sebelumnya hingga selesai dan juga melakukan beberapa *futuhat* baru di wilayah Mesir dan negara-negara bukan Arab (negara Ajam).

Perluasan *Futuhat Wilayah Iraq Era Khalifah Umar*

Sebagaimana disebutkan sebelum ini, *futuhat* era Umar ibn al-Khattab merupakan fasa kedua yang dianggap sebagai penyempurnaan *futuhat* yang telah diasaskan di zaman Abu Bakar al-Siddiq. Selepas Khalid ibn al-Walid berangkat ke Sham bagi membantu operasi *futuhat* di sana, beliau telah mengamanahkan kepada Muthanna ibn Harithah untuk menjaga wilayah Anbar dan Hirah di Iraq yang telah dikuasainya sebelum ini daripada Kerajaan Parsi. Namun, Raja Parsi sentiasa mengintai peluang dan cuba bangkit kembali dengan mengutuskan seorang panglimanya, Rustam bagi merampas semula wilayah Hirah sebagai misi membala dendam kekalahan mereka sebelum ini dengan mempersiapkan kekuatan yang berlipat kali ganda. Mendengar perkembangan ini, Muthanna segera bertindak dengan memohon bantuan ketenteraan daripada kerajaan pusat yang ketika itu juga sedang berdepan dengan ujian pentadbiran apabila Khalifah Abu Bakar sedang mengalami sakit tenat yang berakhir dengan kewafatan beliau.

Sementara itu di Iraq, tentera Parsi semakin rancak menzahirkan ancaman sehingga mereka telah berjaya menawan kembali beberapa daerah kecil. Khalifah Umar yang baru sahaja mengambil alih jawatan, lantas mengutus Abu Ubayd ibn Mas'ud al-Thaqafi dan Sulayt ibn Amru bersama 1,000 anggota tentera untuk bergerak ke Iraq. Khalifah turut mengarahkan agar Mutahanna mematuhi arahan dan perancangan Abu Ubayd yang masih dikekalkan sebagai panglima perang melalui mandat yang diberikan oleh Khalifah sebelumnya.⁵² Bermulalah secara rasmi siri-siri rentetan peperangan yang sangat hebat di bawah kepimpinan baru Khulafa' al-Rashidin ini yang menyaksikan kemenangan yang hebat di pihak Islam kecuali dalam peperangan al-Jisr sahaja yang menyaksikan kekalahan di pihak Islam dan turut mengorbankan Abu Ubayd. Peperangan tersebut yang telah direkodkan oleh Ibn Kathir⁵³ ini ialah peperangan al-Namariq,⁵⁴ al-Saqatiyah,⁵⁵ Barusma,⁵⁶ al-Jisr⁵⁷ dan Perang Buwayb⁵⁸ yang melumpuhkan dan menghancurkan terus keegoan tentera Parsi. Kesemua peperangan ini berlangsung dalam tahun 13H/634M.

Setelah Yazdigrid III menduduki kerusi Raja Parsi, beliau menyusun semula kekuatan angkatan tenteranya dan mula melakukan ancaman dan serangan di wilayah Islam yang ditadbir oleh al-Muthanna ini. Lebih membimbangkan keadaan apabila ahli dhimmah yang sebelum ini telah tunduk kepada kerajaan Islam mula terpengaruh dengan kuasa baru Parsi dan seterusnya bertindak agresif dengan melakukan pengkhianatan dan mengusir gabenor di wilayah yang ditawan tentera Islam. Bagi mengimbangi dan menyerap ancaman gelombang kedua ini, Khalifah Umar ibn al-Khattab telah melakukan penstrukturkan semula tentera Islam dengan melantik Saad ibn Abi Waqqas sebagai panglima tertinggi di Iraq bagi menggantikan Abu Ubayd ibn Mas'ud al-Thaqafi yang telah terkorban dalam peperangan al-Jisr sebelumnya. Tindakan ini sangat tepat dan bijak kerana di atas keberanian panglima yang baru ini, mereka berjaya memenangi pertempuran al-Qadisiyyah⁵⁹ yang menyaksikan kekuatan tentera Parsi berjumlah 120,000 orang dan diperkuatkan dengan 30 ekor gajah, manakala di pihak Islam cuma di antara 9,000 hingga 10,000 sahaja.⁶⁰

⁵² al-Baladhuri (1988), *Op. cit.*, h. 247

⁵³ Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il (1988), *al-bidayah wa al-nihayah*, Tahqiq. Shiri, ^cAli, jil. 7, t.t.p.,: Dar al-Hijr, h. 32-39

⁵⁴ al-Namariq ialah sebuah tempat berdekatan Kufah yang menjadi tempat pertama ditakluki oleh tentera Islam di bumi Iraq. Lihat al-Hamawi (1995), *Op.cit.*, jil. 5, h. 304

⁵⁵ al-Saqatiyah ialah sebuah tempat yang terletak di wilayah Kaskar yang merupakan sebuah bandar bersejarah di tepi Sungai Tigris, Iraq. *Ibid.*, (1995), jil. 3, h. 226

⁵⁶ Barusma ialah sebuah daerah yang terletak di Baghdad Iraq berdekatan Sungai Furat. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 320

⁵⁷ al-Jisr yang dimaksudkan ialah satu peperangan yang berlaku antara tentera Islam dan Parsi berdekatan dengan Hirah. Peperangan ini menyaksikan kekalahan tentera Islam dan berlakunya syahidnya panglima perang Islam, Abu ^cUbayd ibn Mas'ud al-Thaqafi. *Ibid.*, (1995), jil. 2, h. 140

⁵⁸ Buwayb adalah sebuah tempat di kawasan Sungai Furat berdekatan Kufah yang berlaku peperangan semasa pembukaannya antara tentera Islam dan Parsi. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 512

⁵⁹ al-Qadisiyyah merupakan sebuah tempat yang terjadinya peperangan yang sangat hebat antara tentera Islam pimpinan Sa'ad ibn Abi Waqqas dengan tentera Parsi di zaman Khalifah ^cUmar yang berlanjutan selama empat hari lamanya sehingga terbunuhnya Panglima Rustam. Kekalahan tentera Parsi dan terbunuhnya Rustam, panglima agung mereka dalam perang ini telah memberi satu pukulan hebat kepada Raja Parsi dan melumpuhkan terus kuasa Parsi. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 292

⁶⁰ al-Baladhuri, (1988), *Op. cit.*, h. 252

Saki baki tentera Parsi kemudiannya bertempiaran melarikan diri dan berkubu di ibu kota Parsi iaitu kota al-Mada'in⁶¹, tetapi Sa'ad ibn Abi Waqqas dengan kebijaksanaan strateginya berjaya merampas al-Mada'in tanpa sebarang pertumpahan darah pada tahun 16H/634M. Dengan kemenangan itu, seluruh wilayah antara Sungai Furat dan Tigris telah berada di bawah kekuasaan kaum muslimin. Yazdigrid III dan pembernasnya melarikan diri ke Hulwan⁶² sementara beberapa kumpulan tentera Parsi di bawah pimpinan Khurrazad, adik kepada Jeneral Rustam telah bertempur dengan pasukan infantri Islam di Jalula⁶³ yang dipimpin oleh Hashim ibn 'Utbah bersama 12,000 tentera Islam yang berjaya memadamkan kebangkitan Khurrazad.⁶⁴ Akhirnya wilayah Hulwan juga berjaya ditakluki setelah pasukan Hashim ibn Utbah bergabung dengan pasukan bantuan yang diketuai oleh Jarir ibn Abd Allah bersama 3,000 anggota tambahan.⁶⁵ Walau bagaimanapun Yazdigrid III sekali lagi berjaya meloloskan diri ke Khurasan.⁶⁶ Pada masa yang sama tentera Islam berjaya menakluki Tikrit,⁶⁷ al-Mawsul,⁶⁸ Masabathan,⁶⁹ Qarqisiya,⁷⁰ Hit,⁷¹ al-Ahwaz,⁷² Manazir,⁷³ Tira,⁷⁴ Ramahurmuz,⁷⁵ Tustar,⁷⁶ Junday Sabur⁷⁷ dan al-Sus.⁷⁸

Sejarah mencatatkan, pertempuran terakhir yang hebat antara tentera Islam dengan Empayar Parsi berlaku di Nahawand,⁷⁹ kubu terakhir Parsi. Dalam peperangan ini barisan Islam yang diketuai oleh al-Nu'man ibn Muqarrin, Huzyafah ibn Yaman, Jarir ibn 'Abd Allah al-Bajali, al-Mughirah ibn Shu'bah, al-Ash'ath ibn Qis, Abu Musa al-Ash'ari dan Ibn Umar pada tahun 21H/642M berjaya melumpuhkan seluruh kekuatan tentera Parsi.⁸⁰ Peperangan ini merupakan peperangan terbesar yang mengandungi pelbagai kisah yang menakjubkan. Justeru, kaum muslimin menggelarkannya sebagai *Fath al-Futuh* dan selepas itu wilayah terakhir yang ditawan ialah Hamathan⁸¹ di tangan Jarir ibn Abd Allah al-Bajali pada akhir tahun 23H/634. Dengan sempurnanya kejatuhan Hamathan pada tahun tersebut, maka Empayar Parsi secara rasminya telah runtuh sepenuhnya.⁸² Tentera Islam meneruskan kemaraan ke sebelah timur hingga ke kawasan Sind (India/Pakistan) dan berjaya menawan beberapa buah bandar lain di sana. Walau bagaimanapun, Khalifah Umar telah melarang tentera Islam meneruskan kemaraan yang lebih jauh ke wilayah baru kerana mengutamakan keselamatan dan kebijakan mereka, lalu operasi di wilayah kekuasaan Parsi terhenti setakat itu sahaja.

⁶¹ al-Mada'in merupakan sebuah kota yang didiami oleh raja-raja Parsi. Ia menjadi pusat pemerintahan Kerajaan Sasaniyyah yang kemudiannya dibuka oleh Sa'ad ibn Abi Waqqas pada tahun 16H/634M setelah mereka menyerah kalah. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 5, h. 74-75

⁶² Hulwan ialah sebuah wilayah di pergunungan Iran berdekatan Nahawand. *Ibid.*, (1995), jil. 2, h. 290

⁶³ Jalula' ialah sebuah tempat berhampiran sungai di pertengahan jalan ke Khurasan. *Ibid.*, (1995), jil. 5, h. 156

⁶⁴ al-Baladhuri, (1988), *Op. cit.*, h. 260

⁶⁵ *Ibid.*, (1988), h. 295

⁶⁶ Khurasan ialah sebuah negeri yang sangat luas. Sempadannya bermula di Iraq sehingga sampai ke sempadan Afghanistan, Takharistan, Sajistan dan Karman. Mempunyai beberapa buah kota besar seperti Naysabur, Harat dan Marwu. *Ibid.*, (1995), jil. 2, h. 350

⁶⁷ Tikrit ialah sebuah negeri terkenal yang terletak antara Bagdad dan Mawsul. Di sini terdapat banteng yang kukuh bertepatan di tepi Sungai Tigris. *Ibid.*, (1995), jil. 2, h. 38

⁶⁸ al-Mawsul ialah sebuah bandar hebat yang terkenal yang menjadi nadi dan pintu gerbang Iraq kepada negeri sekitar seperti Khurasan dan Azerbayjan. *Ibid.*, (1995), jil. 5, h. 223

⁶⁹ Masabathan ialah sebuah kota yang sangat indah terletak di kawasan padang pasir antara pergunungan yang subur dengan pepohonan. *Ibid.*, (1995), jil. 5, h. 41

⁷⁰ Qarqisiya' ialah sebuah negeri yang berlokasi di tepi Sungai al-Khabur yang mengalir airnya ke Sungai Furat. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 328-329

⁷¹ Hit merupakan sebuah kawasan lembah yang terletak di pinggir Sungai Furat di utara Anbar. Wilayah ini terdapat banyak pohon kurma yang bersempadan dengan padang pasir. *Ibid.*, (1995), jil. 5, h. 420-421

⁷² al-Ahwaz ialah sebuah bandar berdekatan Basrah dan Iran. Nama al-Ahwaz semasa berada di bawah kekuasaan Parsi ialah Khuzistan. Bandar ini dibuka oleh Harqus ibn Zuhayr tetapi menurut al-Baladhuri ianya dibuka oleh al-Mughirah ibn Shu'bah pada akhir tahun 15H/633M atau awal 16H/634M. *Ibid.*, (1995), jil. 3, h. 284-285

⁷³ Manazir merupakan sebuah perkampungan di hujung wilayah al-Ahwaz. *Ibid.*, (1995), jil. 5, h. 199

⁷⁴ Tira ialah sebuah tempat berhampiran Khuzistan, Iran. *Ibid.*, (1995), jil. 2, h. 66

⁷⁵ Ramahurmuz merupakan sebuah bandar terkenal di daerah Khuzistan, Iran yang banyak menghasilkan buah kurma, kacang dan buah limau. *Ibid.*, (1995), jil. 3, h. 17

⁷⁶ Tustar ialah sebuah bandar terbesar di Khuzistan, Iran. *Ibid.*, (1995), jil. 2, h. 29

⁷⁷ Junday Sabur ialah sebuah bandar di Khuzistan, Iran yang dibina oleh Sabur ibn Ardashir lalu dinisbahkan nama ini kepadanya. *Ibid.*, (1995), jil. 3, h. 17

⁷⁸ al-Sus merupakan sebuah negeri di al-Ahwaz yang mempunyai banyak bangunan lama dan bersejarah. Dikatakan di sinilah terdapatnya maqam Nabi Daniel. *Ibid.*, (1995), jil. 3, h. 280-281

⁷⁹ Nahawand ialah sebuah bandar terbesar yang terletak di pergunungan Iran. *Ibid.*, Jil. 5, h. 313

⁸⁰ Tentera Islam digabungkan daripada Sham, Yaman, Kufah dan Basrah bagi mengimbangi kekuatan tentera Parsi yang sangat ramai iaitu berjumlah 60,000 hingga 100,000 orang yang berjaya dikumpulkan oleh Yazdigrid daripada penduduk al-Rai, Qumis, Asfahan, Hamathan dan al-Mahin. Lihat al-Baladhuri (1988), *Op. cit.*, h. 296

⁸¹ Hamathan ialah sebuah bandar terbesar yang terletak di pergunungan Iran. Ia sangat dingin pada musim dingin. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 5, h. 410

⁸² al-Baladhuri juga menyebut pandangan al-Waqidi bahawa Nahawand jatuh pada tahun 24H/635M, enam bulan selepas wafatnya Khalifah 'Umar. Lihat al-Baladhuri (1988), *Op. cit.*, h. 302

Perluasan *Futuhat Wilayah Sham Era Khalifah Umar*

Kejayaan tentera Islam dalam misi *futuhat* di wilayah Sham era Khalifah Umar ibn al-Khattab sangat berkait rapat dengan beberapa rentetan peristiwa penaklukan pada masa sebelumnya. Mengimbas kembali peristiwa tersebut, Khalifah Abu Bakar telah mengirim pasukan besar di bawah pimpinan Abu Ubaydah ibn al-Jarrah ke barisan hadapan Sham. Menurut laporan Ibn al-Athir⁸³ dan Akram⁸⁴, ketika pasukan tersebut terdesak, Abu Bakar mengarahkan kepada Khalid ibn al-Walid yang ketika itu sedang berada di perbatasan Iraq untuk membantu pasukan di Sham. Dengan pantas dan penuh berstrategi, Khalid ibn al-Walid bersama tenteranya menyeberangi gurun padang pasir yang luas, al-Samawah⁸⁵ lalu bergabung dengan pasukan Abu Ubaydah. Dalam saat-saat yang genting ini, tentera Islam diuji Allah apabila Abu Bakar pula wafat. Khalifah Umar ibn al-Khattab yang diberi amanah mengambil alih jawatan nombor satu ini membuat keputusan yang di luar jangkaan pula apabila secara drastik mengubah strategi kepimpinan perang dengan memilih Abu Ubaydah ibn al-Jarrah sebagai panglima perang bagi menggantikan Khalid ibn al-Walid. Ternyata perubahan taktikal ini berjaya mencapai objektifnya apabila bumi Dimashq berjaya ditawan oleh tentera Islam setelah berlakunya pengepungan dalam tempoh yang agak lama.⁸⁶

Setelah Dimashq dikuasai, Abu Ubaydah ibn al-Jarrah mempergiatkan misi *futuhat* dengan mengutus Khalid ibn al-Walid untuk menawan daerah al-Biqa⁸⁷ dan daerah Tadmur⁸⁸ untuk menaklukinya tanpa mendapat sebarang tentangan. Abu Ubaydah ibn al-Jarrah seterusnya memilih al-Zahra al-Khushayri untuk memperluaskan lagi *futuhat* Islam ke wilayah al-Bathaniyyah⁸⁹ dan Hawran⁹⁰ dengan kemenangan dicapai tanpa sebarang pertempuran.

Seterusnya misi jihad dirancakkan lagi dengan penghantaran Shurahbil ibn Hasanah dan Amru ibn al-As untuk menakluki wilayah Jordan. Mereka diberi tentangan sengit oleh pasukan musuh yang besar di Baysan⁹¹ tetapi akhirnya kemenangan berpihak kepada tentera Islam. Sementara itu, bagi wilayah Tabariyyah⁹² pula pasukan Abu al-Awar turut berjaya menawan bandar tersebut. Abu Ubaydah ibn al-Jarrah pula mengambil kedudukan untuk meneruskan kemaraan tentera Islam ke bandar Hims pada tahun 15H/636M lalu kota ini dapat ditakluki setelah tentera Rom menyerah kalah dan penduduknya memilih jalan perdamaian.

Bagi Khalid ibn al-Walid pula, setelah selesai melaksanakan operasi di al-Biqa', beliau diarahkan pula untuk menguatkan cengkaman tentera Islam di Qinnasrin⁹³ setelah berdamai walaupun pada awalnya mengalami satu pertempuran yang hebat. Pada tahun yang sama juga, Mu'awiyah ibn Abi Sufyan telah memenangi pertempuran (Perang Qaysariyyah) di Palestin, lalu berjaya menawan bandar tersebut. Selepas itu penaklukan diteruskan di Ramlah⁹⁴ dan Iliyya⁹⁵ di bawah kepimpinan Abu 'Ubaydah ibn al-Jarrah. Kota suci yang juga merupakan kiblat pertama bagi umat Islam itu dikepung oleh tentera Islam selama beberapa bulan. Akhirnya kota itu dapat ditawan setelah pihak Rom mensyaratkan bahawa Khalifah 'Umar sendiri dikehendaki datang ke Bayt al-Maqdis untuk urusan penyerahan kota ini setelah diminta oleh al-Artabun, panglima Rom yang menyerah kalah pada tahun 15H/636M atau 16H/637M kerana perbezaan pandangan di kalangan sejarawan.⁹⁶

⁸³ Ibn al-Athir, Abi al-Hasan 'Ali ibn Abi al-Karm (1987), *al-Kamil fi al-tarikh*, Tahqiq. al-Qadi, Abi al-Fida' 'Abd Allah, Jil. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 256

⁸⁴ Akram, al-Jeneral (1994), *Sayf Allah Khalid ibn al-Walid Dirasah 'Askariyyah Tarikiyyah 'an Ma'arikah wa Hayatihi*, Terj. al-Jabi, Subhi, Bayrut: Muassasah al-Risalah, h. 350

⁸⁵ al-Samawah merupakan kawasan gurun kontang berpasir yang luas yang terletak antara Kufah dan Sham. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 3, h. 245

⁸⁶ Terdapat beberapa pandangan sejarawan mengenai pengepungan Dimashq. Ada yang mengatakan selama 70 malam dan ada yang mengatakan pengepungan terjadi selama 4 bulan, bahkan ada yang berpendapat menjangkau selama 6 bulan. Para sejarawan juga berselisih pandangan mengenai bentuk penaklukan ini berlaku sama ada secara damai ataupun melalui perperangan. Lihat Ibn Kathir (2002), *Op. cit.*, h. 212-216

⁸⁷ al-Biqa' ialah sebuah tempat di antara Ba'labak, Hims dan Dimashq. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 1, h. 470

⁸⁸ Tadmur merupakan sebuah bandar lama yang terkenal di Sham berhampiran Halab. Daerah ini dibuka secara aman oleh Khalid ibn al-Walid. *Ibid.*, (1995), jil. 2, h. 17-18

⁸⁹ al-Bathaniyyah ialah sebuah wilayah di Dimashq, Sham. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 338

⁹⁰ Hawran ialah sebuah tempat berdekatan Dimashq. *Ibid.*, (1995), jil. 2, h. 317

⁹¹ Baysan ialah sebuah bandar di Jordan di antara Hauran dan Palestin. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 527

⁹² Tabariyyah ialah sebuah wilayah di Jordan yang dibuka oleh Shurahbil ibn Hasanah. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 17

⁹³ Qinnasrin ialah nama sebuah daerah di Sham yang terletak di antara Halab dan Hims. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 403

⁹⁴ Ramlah merupakan sebuah bandar terbesar di Palestin. *Ibid.*, (1995), jil. 3, h. 69

⁹⁵ Iliyya' ialah nama sama bagi bandar Bayt al-Maqdis. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 293

⁹⁶ al-Tabari (1966), *Op. cit.*, jil. 3, h. 601-607

Daripada beberapa siri *futuhat* pada era Khalifah Umar ibn al-Khattab ini, penaklukan Bayt al-Maqdis adalah yang paling menarik kerana ianya tidak berlaku melalui pertumpahan darah sesuai dengan kedudukannya sebagai salah sebuah kota suci umat Islam. Perkara kedua yang menarik juga ialah penghormatan yang diberikan kepada Khalifah Umar ibn al-Khattab selaku penguasa tertinggi umat Islam untuk menerima penyerahan rasmi kota ini. Semasa Khalifah Umar ibn al-Khattab tiba di Bayt al-Maqdis, rombongannya disambut baik oleh para penduduk tempatan dan seterusnya mereka dibawa untuk mengunjungi tempat-tempat suci di sekeliling kota tersebut. Peristiwa lain yang menarik terjadi ialah ketika mana Sayyidina Umar ibn al-Khattab melakukan solat buat pertama kalinya di Masjid Aqsa.⁹⁷

Selepas kejatuhan Bayt al-Maqdis, empayar Rom cuba bangkit untuk menawan semula Sham. Dengan bantuan penduduk al-Jazirah⁹⁸ (Mesopotamia) yang terletak berhampiran Baghdad, Maharaja Rom (Hercules) menghantar sepasukan infantri tenteranya untuk menyerang dan mengepung Hims, sebuah kota yang telahpun diduduki oleh tentera Islam di bawah pimpinan Abu Ubaydah ibn al-Jarrah sebelumnya. Percubaan mereka gagal, sebaliknya tentera Islam pula berjaya menawan al-Jazirah selepas itu di bawah kepimpinan ^cIyad ibn Ghanam pada tahun 17H/638M. Di antara tahun 17H/638M hingga tahun 18H/639M, tiada *futuhat* dilakukan kerana bencana wabak kemarau di Hijaz dan selatan Sham dan disusuli pula kemudiannya wabak taun yang tersebar dengan meluas di Sham sehingga merebak ke Palestin dan Iraq. Ujian daripada Allah ini meninggalkan kesan sejarah yang diingati sepanjang zaman apabila tentera Islam kehilangan dua orang tokoh sahabat iaitu panglima tertinggi Abu Ubaydah ibn al-Jarrah dan Muaz ibn Jabal yang telah banyak mewarnai pentas *futuhat* Islam dengan jayanya. Jawatan panglima tertinggi seterusnya digantikan pula oleh Mu^cawiyah ibn Abi Sufyan,⁹⁹ serta diperkuatkan oleh beberapa pahlawan hebat seperti Ubada ibn Samit, Abu Ayyub al-Ansari, Abu Dhar dan Shaddad ibn Aws yang kemudiannya berjaya mengemudi tentera Islam menakluki al-Saffuriyah,¹⁰⁰ Ammuriyyah¹⁰¹ dan Asqalan¹⁰² sebagaimana dilaporkan oleh al-Tabari dan al-Waqidi.¹⁰³

Futuhat Mesir dan Afrika Utara Era Khalifah Umar

Kuasa Islam telah berjaya mendominasi wilayah Sham lebih-lebih lagi apabila tentera Rom kecundang dalam Perang Yarmuk. Berpaksikan kekuatan tentera Islam yang berpusat di Sham, lensa *futuhat* mula beralih arah ke Mesir dan Afrika Utara yang masih berada di bawah cengkaman Rom. Pembukaan Mesir berfungsi sebagai benteng yang boleh menyekat secara langsung ancaman Rom terhadap wilayah Sham yang telahpun ditakluki. Kedudukan ini memberi justifikasi yang penting bagi Amru ibn al-As mendapatkan keizinan Khalifah ^cUmar untuk membuka Mesir, walaupun pada awalnya Khalifah masih ragu-ragu untuk membenarkannya memandangkan pasukan Islam mengalami kekurangan anggota, manakala keutamaan anggota sedia ada pula perlu ditempatkan di perbatasan Sham dan Parsi yang telah ditakluki.¹⁰⁴

Setelah permintaan diluluskan, Amru ibn al-As membawa 3,500 tentera ke Mesir bagi melaksanakan misi *futuhat* pada tahun 19H/640M. Tentera Islam berjaya memasuki Mesir melalui utara Sayna,¹⁰⁵ lalu berjaya menawan wilayah al-Arish¹⁰⁶ tanpa sebarang pertempuran, tetapi ketika meneruskan kemaraan ke Parma¹⁰⁷,

⁹⁷ al-Sallabi, ^cAli Muhammad (2005), *Sirah Amir al-Mukminin ^cUmar Ibn al-Khattab: Shakhsiyyatuhu wa ^cAsruhu*, Beirut: Dar al-Ma^crifah, h. 466

⁹⁸ al-Jazirah merupakan sebuah wilayah di antara Sungai Furat dan Tigris yang bersempadan dengan Sham merangkumi bandar Diyar Mudar dan Diyar Bikr. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 2, h. 134

⁹⁹ Menurut laporan al-Baladhuri, ^cIyad ibn Ghanam yang menggantikan Abu ^cUbaydah sebagai panglima tertinggi selepas kematianya akibat penyakit taun. Lihat al-Baladhuri (1988), *Op. cit.*, h. 173

¹⁰⁰ Saffuriyah ialah sebuah wilayah yang terletak di Jordan berdekatan dengan bandar Tabariyyah. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 3, h. 414

¹⁰¹ Ammuriyyah sebuah wilayah yang terkenal di bawah kekuasaan Rom yang diperangi oleh al-Mu^ctasim kerana pengaruh Syi^cah. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 158

¹⁰² Asqalan sebuah kota yang terletak di tepi pantai laut Abyad yang merupakan sebahagian daripada kawasan Palestin. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 122

¹⁰³ al-Tabari (1966), *Op. cit.*, jil. 4, h. 241, Lihat juga al-Waqidi, Muhammad ibn ^cAmru ibn Waqid (1997), *Futuh al-Sham*, t.t.p.,: Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah, h. 32-39

¹⁰⁴ Menurut catatan al-Baladhuri, tindakan ^cAmru ibn al-^cAs yang bergerak ke Mesir tanpa persetujuannya telah mendatangkan kemarahan kepada Khalifah ^cUmar lantas Khalifah mengutus surat supaya pasukannya berpatah balik jika belum memasuki Mesir. Walau bagaimanapun beliau tetap meneruskan kemaraannya kerana ketika surat tersebut dibaca, beliau telah berada di al-^cArish, Mesir. Lihat al-Baladhuri (1988), *Op. cit.*, h. 210

¹⁰⁵ Sayna merupakan sebuah kawasan di Sham (sekarang di Mesir) yang dikaitkan dengan Bukit Sayna, tempat di mana Nabi Musa berinteraksi dengan Allah. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 3, h. 300

¹⁰⁶ Arish ialah bandar pertama Mesir dari arah Sham di pesisir Laut Mediteraanian. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 133

¹⁰⁷ Parma sebuah bandar gersang yang tiada tumbuhan dan air kecuali air hujan di Mesir. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 255

telah berlaku pertempuran sengit yang berakhir dengan kemenangan kepada tentera Islam. Bilbis¹⁰⁸ juga dapat ditundukkan dengan mudah, tetapi pertarungan sebenar berlaku di Ain Shams¹⁰⁹ yang menyaksikan kekalahan Theodore, panglima tentera Rom. Kota Babylon¹¹⁰ dan al-Fayyum¹¹¹ seterusnya tunduk menjadi wilayah baru Islam sebelum kemuncaknya bandar Iskandariyyah¹¹² yang merupakan ibu kota Mesir waktu itu berjaya ditawan pada tahun 21H/642M.¹¹³ Dengan jatuhnya Iskandariyyah ini, maka sempurnalah penaklukan atas Mesir. Ibu kota negeri itu dipindahkan ke kota Fustat¹¹⁴ yang dibangunkan oleh Amru ibn al-As pada tahun 20H/641M.¹¹⁵

Menurut catatan beberapa sejarawan,¹¹⁶ kejatuhan Iskandariyyah membuka peluang yang lebih luas bagi kemaraan tentera Islam di bawah Amru ibn al-As lebih jauh ke Afrika khususnya di Libya. Misi penawanan bermula apabila Amru ibn al-As menakluki Barqah,¹¹⁷ Surt,¹¹⁸ Labdah,¹¹⁹ Tripoli¹²⁰ dan Sharus¹²¹ pada tahun 22H/643M. Seterusnya beliau menghantar masing-masing ^cUqbah ibn Nafi^c ke Zawilah,¹²² al-Zubayr ibn Awwam ke Sabratah¹²³ dan Busr ibn 'Artah ke Waddan¹²⁴ yang mana mereka kesemuanya berjaya menakluki wilayah tersebut. Kesemua operasi ini berlaku pada tahun 23H/644M. Setelah misi berjaya Khalifah Umar mengarahkan Amru ibn al-As kembali ke Mesir sebaliknya mengarahkan Uqbah ibn Nafi untuk menjadi Gabenor Barqah dan menjaga wilayah-wilayah Islam yang baru dibuka ini. Justeru, misi *futuhat* di Afrika Utara di zaman Khalifah Umar terhenti setakat ini sahaja.

Era Khalifah Uthman ibn Affan (23-35H/644-656M)

Era pemerintahan Sayyidina Uthman berlaku selama dua belas tahun, dua tahun lebih lama daripada zaman Umar. Semasa enam tahun pertama dalam kepimpinannya, urus tadbir negara berjalan dengan baik dan lancar sehingga memperoleh kejayaan yang cemerlang khususnya dalam mempertahankan wilayah Islam yang telah ditawan sebelumnya di samping turut bertindak mengukuhkan dakwah Islam melalui misi *futuhat* yang baru. Walau bagaimanapun, tempoh enam tahun terakhir pemerintahannya sangat mencabar kewibawaannya ekoran kegawatan politik sehingga menimbulkan perpecahan sesama pemimpin dan umat Islam ketika itu.¹²⁵

Perluasan *Futuhat Wilayah Iraq dan Luar Arab (Negara Ajam) Era Khalifah Uthman*

Pada tahun 24H/645M, penduduk Kufah, Azerbayjan dan Armenia mengingkari perjanjian yang telah dibuat dan mereka telah bertindak keluar memberontak. Justeru, Khalifah Uthman telah menghantar Walid ibn Uqbah bagi menumpaskan revolusi tersebut, bermula di Kufah dan seterusnya meneruskan kemaraan ke Azerbayjan dan juga Armenia. Akhirnya mereka kembali tunduk kepada kekuasaan Islam.¹²⁶

¹⁰⁸ Bilbis ialah sebuah bandar berhampiran Fustat yang menjadi penghubung ke Sham yang dibuka oleh ^cAmr ibn al-^cAs pada 18H/639M atau 19H/640M. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 479

¹⁰⁹ Ain Shams¹⁰⁹ merupakan sebuah bandar besar lama yang bersejarah peninggalan Firaun zaman Nabi Musa di Mesir berhampiran Fustat dan Bilbis. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 178

¹¹⁰ Babylon ialah nama lama bagi negeri Mesir dan dikatakan juga ia merupakan nama lama bagi Fustat secara khususnya. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 311

¹¹¹ al-Fayyum yang dimaksudkan di sini ialah sebuah kawasan di Barat Mesir yang mengambil masa dua hari perjalanan ke Fustat. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 286

¹¹² Kota Iskandariyyah mempunyai tiga belas tempat yang telah diasaskan oleh Iskandar Dhu al-Qarnayn tetapi yang masih kekal dengan nama Iskandariyyah sebagaimana yang dimaksudkan di sini ialah Iskandariyyah yang terletak di Mesir. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 182-183

¹¹³ al-Baladhuri memperihalkan bahawa berlaku pertempuran sengit selama tiga bulan sebelum Iskandariyyah yang dikuasai oleh al-Muqawqis jatuh ke tangan tentera Islam yang dipimpin oleh Khalifah ^cUmar sendiri dan ada pandangan mengatakan bahawa al-Muqawqis menyerah kalah dan meminta perdamaian dengan membayar sebanyak 13,000 dinar sebagai tebusan untuk keluar daripada Iskandariyyah dengan selamat. Lihat al-Baladhuri (1988), *Op., cit.*, h. 218

¹¹⁴ Fustat merupakan bandar pertama yang dibangunkan oleh Jeneral Arab, ^cAmr ibn al-^cAs. Lihat Kamal (2010), *Op. cit.*, h. 336

¹¹⁵ Febru Kusuma (2013), Modus ekspansi Islam: Dari Periode Awal Sampai Dinasti Umayyah, *Media Akademika*, 28(1), 119

¹¹⁶ Kamal (2010), *Op. cit.*, h. 245-247, Lihat juga al-Baladhuri (1988), *Op., cit.*, h. 221, Lihat juga al-Misri, Abu Qasim (1994), *Futuh Misr wa al-Maghrib*, t.t.,: Maktabat al-Thaqafah al-Diniyyah, h. 197-199

¹¹⁷ Barqah ialah sebuah bandar terletak antara Iskandariyyah dan Afrika iaitu di Maghribi. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 1, h. 389

¹¹⁸ Surt adalah sebuah bandar di pesisir pantai Laut Mediterranean di antara Barqah dan Tripoli. *Ibid.*, (1995), jil. 3, h. 206

¹¹⁹ Labdah merupakan sebuah bandar yang terletak di antara Barqah dan Tunisia. *Ibid.*, (1995), jil. 5, h. 10

¹²⁰ Tripoli merupakan sebuah bandar pelabuhan yang terkenal di Libya yang juga adalah ibu kotanya. Lihat Kamal (2010), *Op. cit.*, h. 248

¹²¹ Sharus ialah sebuah bandar terkenal di Jabal Nafusah, Libya. *Ibid.*, (2010), h. 247

¹²² Zawilah ialah bandar di tengah padang pasir di antara Sudan dan Libya. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 3, h. 159-160

¹²³ Sabratah merupakan sebuah bandar di pesisir pantai berdekatan Tripoli, Libya. Lihat Kamal (2010), *Op. cit.*, h. 247

¹²⁴ Waddan ialah sebuah wilayah di Libya berdekatan Zawilah. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 5, h. 366

¹²⁵ Marzuki Haji Mahmood (1994), *Op. cit.*, h. 54

¹²⁶ al-Tabari (1966), *Op. cit.*, jil. 4, h. 246

Hal yang sama juga ditimbulkan oleh penduduk al-Rai yang memungkiri perjanjian damai yang telah disepakati sebelumnya, lalu Khalifah Uthman terpaksa mengatur gerak satu pasukan tentera Islam di bawah arahan Abu Musa al-Ash'ari pada tahun yang sama untuk memadam api kebangkitan tersebut. Siri-siri pemberontakan semakin menjadi-jadi. Kali ini penduduk Istikhar yang pernah memberi *bay'ah* ketika ditewaskan sebelum ini turut melanggar perjanjian tersebut. Maka, sepasukan sayap tentera Islam yang dipimpin oleh Uthman ibn Abi As telah dikirim ke sana dan berjaya menggagalkan hajat mereka pada tahun 27H/648M. Pada tahun 30H/651M pula, penaklukan Tabaristan buat kali kedua dilakukan setelah ditawan sebelumnya pada zaman Sayyidina Umar oleh Suwayd ibn al-Muqarrin. Tanpa membiarkan konflik ini berterusan, maka Sa'id ibn 'As bersama beberapa pahlawan Islam yang lain telah menunjukkan jalan keluar kepada semua pemberontak tersebut.

Cubaan penduduk tempatan yang masih setia dengan kerajaan Parsi dan usaha saki baki tentera Parsi yang mahu bangkit daripada kekuasaan Islam menjadi semakin lemah, apatah lagi setelah terbunuuhnya Raja Yazdigrid III, yang merupakan Raja Parsi terakhir dalam buangan pada tahun 31H/652M. Orang yang bertanggungjawab membunuuhnya ialah seorang tukang giling yang terjadi di tepi sungai Marghab¹²⁷ ketika Raja Yazdigrid III memohon kebenaran bermalam di rumahnya semasa dalam pelarian.¹²⁸ Kedudukan ini memberi peluang yang lebih besar kepada tentera Islam untuk memberikan tumpuan yang lebih luas kepada *futuhat* di wilayah-wilayah baru. Hasilnya, pada tahun tersebut, Abd Allah ibn Amir dan pasukan tenteranya selain berjaya mengembalikan semula beberapa daerah yang telah melanggar perjanjian, beliau turut membuka beberapa buah wilayah baru Islam seperti Tus,¹²⁹ Abrashahr,¹³⁰ Biwar,¹³¹ Nasa,¹³² dan Sarkhas¹³³ sebagaimana diperihalkan oleh al-Sallabi.¹³⁴

Seterusnya setahun selepas itu iaitu pada tahun 32H/653M ^cAbd Allah ibn ^cAmir berjaya merancang beberapa *futuhat* yang penting di daerah Marwu al-Ruz,¹³⁵ al-Talaqan,¹³⁶ Fariyab,¹³⁷ al-Jauzjan¹³⁸ dan Takharistan¹³⁹ yang disempurnakan oleh al-Ahnaf ibn Qays. Seterusnya al-Ahnaf meneruskan kemaraan ke Harat dan seterusnya menjangkau *futuhat* sampai ke Samarcand,¹⁴⁰ Tashkent¹⁴¹ dan Turkmenistan.¹⁴²

Perluasan *Futuhat* Wilayah Sham Era Khalifah Uthman

Sementara itu, pada sekitar tahun 25H/646M, wilayah Sham yang telah dikuasai sepenuhnya oleh kerajaan Islam mula terancam apabila Kerajaan Rom yang diambil alih oleh Raja Konstantine mula menstruktur semula angkatan tenteranya bagi merampas kembali wilayah-wilayah tersebut. Beliau berjaya menghimpunkan 80,000 anggota tentera yang terdiri daripada gabungan bangsa Rom dan Turki. Dalam waktu yang sama juga, mereka menghasut penduduk-penduduk tempatan supaya bangkit memberontak dan menentang pemerintahan Islam sejurus wafatnya Khalifah Umar ibn al-Khattab. Muawiyah ibn Abi Sufyan yang ditugaskan menjaga wilayah Sham terpaksa memohon bantuan daripada kerajaan pusat bagi mengimbangi ancaman tersebut. Dengan pantas, Salman ibn Rabi'ah dipilih bersama 8,000 tentera Islam berkuda digerakkan ke Sham membantu Muawiyah dan bergabung bersama pasukan Habib ibn Maslamah yang sedang menanti di Sham. Mereka berjaya menggempur

¹²⁷ Marghab ialah nama bagi sebuah sungai yang terletak di Marwu al-Shahijan, Khurasan. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 5, h. 108

¹²⁸ al-Baladhuri (1988), *Op. cit.*, h. 309, al-Tabari (1966), *Op. cit.*, jil. 4, h. 293, Ali, Muhammad (1932), *The early caliphate*, Terj. Imam Musa, Cet. 1, Jakarta: Dar al-Kutub al-Islamiyyah, h. 167

¹²⁹ Tus ialah sebuah kota di Khurasan berdekatan Naysabur. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 4, h. 49

¹³⁰ Abrashahr ialah sebuah tempat di Khurasan. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 65

¹³¹ Biwar ialah sebuah bandar di daerah Gharshistan yang terletak antara Ghaznah, Harat, Marwu al-Rudh dan al-Ghur di tengah kawasan pergunungan. *Ibid.*, (1995), jil. 1, h. 537

¹³² Nasa ialah sebuah bandar di Khurasan berhampiran Sarkhas, Marwu, Abyurd dan Naysabur. *Ibid.*, (1995), jil. 5, h. 281

¹³³ Sarkhas ialah sebuah kota lama di pinggir Khurasan yang luas yang berada di pertengahan jalan antara Marwu dan Naysabur. *Ibid.*, (1995), jil. 3, h. 208

¹³⁴ al-Sallabi, ^cAli Muhammad (2004), *Sirah Amir al-Mukminin ^cUthman ibn ^cAffan: Shakhsiyyatuhu wa ^cAsruhu*, Bayrut: Dar al-Ma'rifah, h. 172

¹³⁵ Marwu al-Rudh ialah sebuah bandar lama di Iran di kawasan sungai berdekatan Marwu al-Shahijan. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 5, h. 281

¹³⁶ Talaqan ialah sebuah perkampungan yang terdapat maqam para salihin. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 39

¹³⁷ Fariyab ialah salah sebuah bandar terkenal di Khurasan. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 229

¹³⁸ al-Jauzjan ialah sebuah wilayah di Khurasan dan di antara bandarnya ialah Fariyab dan Kallar. *Ibid.*, (1995), jil. 2, h. 182

¹³⁹ Takharistan ialah sebuah kawasan yang sangat luas yang mempunyai beberapa buah negeri bersempadan dengan wilayah Khurasan. Negeri ini menghasilkan ramai ilmuwan Islam yang terkenal. *Ibid.*, (1995), jil. 4, h. 23

¹⁴⁰ Samarcand merupakan sebuah negeri yang sangat dikenali ramai. Bangunannya dikatakan dibina oleh Iskandar Dhu al-Qarnayn di 'negeri seberang sungai'. *Ibid.*, (1995), jil. 3, h. 246

¹⁴¹ Tashkent merupakan sebuah bandar terbesar dan utama di Uzbekistan. Lihat <https://en.wikipedia.org/wiki/Tashkent>

¹⁴² Turkmenistan merupakan sebuah negeri di Asia Tengah yang bersempadan dengan Kazakhstan dan Uzbekistan. Lihat <https://en.wikipedia.org/wiki/Turkmenistan>

tentera Rom hingga menang dan mendapatkan harta rampasan yang banyak.¹⁴³ Muawiyah kemudiannya memimpin satu angkatan tentera untuk meneruskan langkahan *futuhat* ke Anatolia (Asia Kecil).

Kejayaan ini mendorong Muawiyah untuk beralih arah ke kawasan Laut Mediterranean dengan menakluki Pulau Cyprus,¹⁴⁴ sebuah kawasan yang sangat strategik dari sudut pertahanan. Muawiyah meminta keizinan Sayyidina Umar untuk menggunakan alternatif tentera laut dan setelah dipersetujui, maka satu armada perang laut telah dibentuk dan digerakkan. Pada tahun 28H/649M, Muawiyah menghantar armada lautnya yang pertama dan ianya memahat inovasi baru dalam sejarah ketenteraan Islam di bawah kepimpinan Abd Allah ibn Qasy selaku Laksamana Angkatan Tentera Laut. Pasukan Abd Allah ini kemudiannya disertai pula oleh armada Islam kedua yang dipimpin pula oleh Abd Allah ibn Abi Sarh, yang membawa tentera terdiri daripada orang Mesir dan Arab yang berpengalaman.

Menurut laporan al-Shaykh Abd al-Sattar,¹⁴⁵ pasukan Muawiyah turut disertai oleh beberapa sahabat seperti Abu Zar al-Ghfari Ubadah ibn al-Samit dan isterinya Ummu Haram, al-Miqdad ibn Amru, Abu al-Darda', Shaddad ibn Aws. Angkatan tentera laut Islam kemudiannya masuk dan menyerang Cyprus yang dikuasai oleh orang-orang Rom dan berjaya menawannya dengan mudah tanpa sebarang tentangan daripada tentera Rom dan penduduknya. Ini merupakan satu detik bersejarah yang terhasil di sepanjang lembaran *futuhat* Islam kerana buat pertama kalinya armada laut digunakan oleh tentera Islam secara rasmi. Penawanian Pulau Cyprus ini menjadikan kedudukan tentera Islam semakin bertambah kuat.¹⁴⁶

Perluasan *Futuhat* di Mesir dan Afrika Utara Era Khalifah Uthman

Persetujuan di antara tentera Islam dan tentera Rom juga berlangsung dengan sengit di Mesir dan Afrika Utara. Di Mesir, setelah tentera Rom gagal merampas Sham dan kehilangan pulau Pulau Cyprus, mereka mula mencari alternatif baru dengan cuba merampas kembali kota Iskandariyyah. Pada masa yang sama pula, penduduk Iskandariyyah telah berpaling tадah dengan kembali berpihak kepada Raja Rom. Justeru, pada tahun 25H/646M, pasukan Amru ibn al-As muncul di Iskandariyyah bagi misi memadamkan pemberontakan tersebut.¹⁴⁷

Sementara itu, bagi tujuan mempertahankan wilayah Mesir daripada ancaman Rom, pula, Khalifah Uthman ibn al-Affan telah melaksanakan misi ketenteraan kedua pada tahun 27H/648M khususnya ke negeri Tunisia, Algeria dan Maghribi dengan menjadikan Barqah sebagai pangkalan hadapan tentera Islam. Operasi kali ini dipimpin oleh Abd Allah ibn Saad ibn Abi Sarh, gabenor baru Mesir yang menggantikan Amru ibn al-As bersama 20,000 tenteranya. Menurut al-Baladhuri,¹⁴⁸ tentera Islam di bawah pimpinan Abd Allah ibn Saad ibn Abi Sarh telah berjaya menundukkan wilayah-wilayah di Tunisia sepanjang kemaraan daripada Tripoli, Libya ke bandar Tanjah,¹⁴⁹ Maghribi sehingga memaksa mereka membayar tebusan dan tentera Islam mendapat banyak harta rampasan perang. Kemenangan pertama tentera Islam ialah apabila dapat menakluki Sabakhah,¹⁵⁰ di Tunisia yang ketika itu diperintah oleh Gabenor Rom bernama Gregory melalui jalan perdamaian. Malangnya mereka memungkiri perjanjian lalu Abd Allah ibn Abi Sarh diperintahkan memerangi mereka buat kali kedua pada tahun 29H/650M bersama Abd Allah ibn Umar dan Abd Allah ibn Zubayr.

Mereka bertempur dengan hebat di sebuah tempat bernama Sabaytilah,¹⁵¹ di Tunisia yang membawa kematian Gregory dan penawanian anaknya.¹⁵² Apa yang menarik, menurut Ibn Kathir¹⁵³ juga, pada tahun 27H/648M setelah misi penaklukan di Tunisia ini berjaya, Khalifah Uthman memerintahkan pula Abd Allah ibn Nafi' ibn Qays dan Abd Allah ibn Nafi' ibn al-Husayn untuk bergerak ke bumi Andalus melalui jalan laut. Beliau pada mulanya berjaya memasuki bumi Andalus, namun terpaksa kembali pulang kerana operasi ini menemui

¹⁴³ al-Tabari (1966), *Op. cit.*, jil. 4, h. 247-248

¹⁴⁴ Cyprus merupakan sebuah pulau yang berlokasi di Laut Mediterranean. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 4, h. 305

¹⁴⁵ al-Shaykh, 'Abd al-Sattar (2003), *al-Khulafa' al-Rashidun Hayat Majidah wa A'mal Khalidah*. Dimashq: Dar al-Qalam. h. 336

¹⁴⁶ Mohd Rashad Shamsuddin (2009), *Khulafa' Rashidun dan Daulah Islamiyyah*, Kuala Lumpur: al-Hidayah, h. 300

¹⁴⁷ Ibn Kathir (1988), *Op. cit.*, jil. 7, h. 169

¹⁴⁸ al-Baladhuri (1988), *Op. cit.*, h. 224

¹⁴⁹ Tanjah merupakan sebuah bandar di pesisir pantai Maghribi yang menghadap Andalus dan merupakan negara yang ramai penduduknya terdiri daripada bangsa Barbar. Lihat al-Hamawi (1995), *Op. cit.*, jil. 4, h. 43

¹⁵⁰ al-Sabakhah merupakan sebuah tasik garam yang terletak di Gurun Sahara berhampiran Tenggara Qayrawan, Tunisia. Lihat Kamal (2010), *Op. cit.*, h. 250

¹⁵¹ al-Subaytilah merupakan sebuah bandar lama bersejarah yang terletak berhampiran Barat Daya Qayrawan di Tunisia. *Ibid.*, (2010), h. 250

¹⁵² Ibn Kathir (2002), *Op. cit.*, h. 366-367

¹⁵³ *Ibid.*, (2002), h. 367

beberapa halangan, dan mengikut pandangan al-Tabari¹⁵⁴ *futuhat* ini hanyalah bertujuan membuka jalan ke Andalus sahaja dan bukannya dalam erti kata penaklukan bersifat kekal sebagaimana yang dibuat terhadap wilayah-wilayah lainnya, sebaliknya hanya sekadar membuka laluan ke Andalus untuk memasuki dan mengambil ghanimah dan seterusnya kembali semula dengan selamat. Kemaraan Abd Allah ini tetap meninggalkan kesan positif dan memberikan motivasi kepada orang-orang Islam selepasnya apabila pasukan tentera Islam yang diketuai oleh panglima Tariq ibn Ziyad akhirnya berjaya memasuki Andalus dan membukanya pada tahun 92H/713M semasa pemerintahan Bani Umayyah.

Pada tahun 31H/652M juga, berlaku pertempuran laut yang dinamakan *Zat al-Sawari* di Maghribi kerana Kerajaan Rom ingin membala dendam dan menguasai kembali wilayah yang ditawan oleh tentera Islam di Afrika Utara. Pasukan Islam pimpinan Abd Allah ibn Abi Sarh berjaya memusnahkan 500 buah kapal perang Rom. Dikatakan kesan peperangan yang memakan korban yang sangat besar dari kedua pihak menyebabkan air laut menjadi merah kerana dipenuhi darah.¹⁵⁵ Selepas peristiwa ini, Mu‘awiyah ibn Abi Sufyan terus menggempur negara Rom sehingga wilayah kekuasaan mereka menjadi semakin kecil dengan hanya bertahan di Kota Konstantinople sahaja.

Selama dua belas tahun pemerintahan Uthman, pemimpin bangsawan ini terpaksa berhadapan dengan pelbagai pemberontakan dan kebangkitan tentera Rom dan Parsi, namun dengan kebijaksanaannya yang tersendiri beliau berjaya menangani krisis ini dengan baik dan mengekalkan pemerintahan di dalam wilayah yang telah dibuka sebelumnya. Bahkan, beliau berjaya membawa tentera Islam menakluki sejumlah wilayah baru pula. Mereka berjaya menguasai Anatolia dan Asia Kecil, Palestin, Jordan, termasuk Pulau Cyprus di bahagian Barat, dan memanjang ke Afrika Utara seperti Mesir, Libya, al-Jaza’ir, Tunisia dan Maghribi. Sementara di bahagian Timur pula ialah Iran, Iraq, Armenia, Azerbayjan, Afghanistan, Samarkand, Tajikistan, Turkmenistan, Khurasan, Uzbekistan dan Tabaristan. Keseluruhan Semenanjung Tanah Arab serta Yaman juga tunduk di bawah kekuasaan Islam. Justeru, semua wilayah ini berada di bawah satu panji dan negara Islam lebih luas daripada Rom dan Parsi di zaman kemuncak kedua kuasa hebat ini.

Era Khalifah Ali ibn Abi Talib (35-40H/656-661M)

Ketika Khalifah Uthman menghadapi tribulasi politik di dalam negeri yang membawa kepada pembunuhan pada tahun 35H/656M, Sayyidina Ali ibn Abi Talib telah dinamakan sebagai khalifah yang keempat dalam senario yang agak mencabar. Namun, suhu politik di pusat kekuasaan Islam semakin tinggi dan memuncak sehingga terjadi beberapa pemberontakan dan perang saudara.

Operasi *Futuhat Berakhir*

Namun menurut Ibn Kathir lagi,¹⁵⁶ walaupun perkembangan dan *futuhat* Islam tersekat dan buku-buku sejarah tidak melaporkan penaklukan wilayah baru, tetapi beliau masih berjaya mempertahankan wilayah-wilayah yang sudah ditakluki sebelum ini hasil kesungguhan gabenor dan perajurit yang berada di perbatasan menjaga wilayah-wilayah tersebut daripada direbut kembali oleh musuh, sebagaimana cubaan Raja Konstantin Rom yang membawa seribu armada artileri bertujuan menyerang wilayah Islam pada tahun 35H/656M, namun usahanya menemui kegagalan apabila Allah menurunkan ribut dan putting beliung yang menghancurkan musuh. Peristiwa kedua berlaku pada tahun 39H/670M apabila penduduk Parsi berpaling tada dan mengusir gabenor Islam di sana iaitu Sahl ibn Hunayf. Khalifah lantas mengutus Ziyad ibn Abihi bagi menundukkan pemberontakan tersebut. Apa yang menarik juga ialah, pernah sekembali khalifah daripada peristiwa Siffin, beliau telah menghantar operasi yang dipimpin oleh Ja‘dah ibn Hubayrah ke wilayah Khurasan, Naysabur dan Marwa al-Shahijan bagi mengembalikan semula kepatuhan mereka kepada kerajaan Islam.

Walaupun khalifah masih berjaya mengekalkan pemerintahan di kawasan yang telah diduduki, namun secara keseluruhannya misi *futuhat* pada zaman Khalifah Ali pula tidak dapat dijalankan kerana krisis politik yang berlarutan ketika itu menjadi fokus dan isu utama yang perlu diselesaikan. Malah, perang yang berlaku pada zaman tersebut menjadi sejarah hitam Islam kerana ianya berlaku dan membabitkan sesama umat Islam. Perang yang dimaksudkan ialah Perang Jamal yang berlaku pada tahun 36H/657M dan Perang Siffin yang berlaku pada tahun 37H/658. Perang tersebut menyaksikan pertarungan sesama Muslim sehingga membawa kepada kesyahidan beberapa sahabat terbilang seperti Talhah ibn Ubayd Allah, al-Zubayr ibn al-Awwam dan Ammar

¹⁵⁴ al-Tabari (1966), *Op. cit.*, jil. 4, h. 255

¹⁵⁵ Ibn Kathir (2002), *Op. cit.*, h. 369

¹⁵⁶ *Ibid.*, (2002), h. 529

ibn Yasir. Kemuncak daripada kegawatan politik dalaman ini ialah terjadinya pembunuhan Khalifah Ali pada 20 Ramadan tahun 40H/661M oleh Ibn Muljam.¹⁵⁷

Kesimpulan

Polisi dan dasar *futuhat* yang dilakukan era Khulafa' al-Rashidin, tanpa ragu-ragu telah mencetus dan menatihahkan kejayaan yang harumannya begitu mewangi sepanjang zaman dalam lipatan sejarah keunggulan Islam. Kejayaan ini yang akhirnya menjadi pemangkin kepada kuasa Islam selepasnya khususnya di era Abbas yang dapat menjalankan pemerintahan Islam di bumi Andalus sebelah baratnya hingga sampai ke China di bahagian timurnya. Kemuncak kehebatan kerajaan Islam yang paling manis ialah mampu menundukkan dua buah kuasa besar yang telah lama bertapak kukuh sehingga menjadi ‘polis dunia’ yang tidak tercabar menguasai wilayah-wilayah di barat mahupun timur. Sebelumnya, empayar Rom gah di Barat manakala Parsi kebal di timur, namun kedatangan Islam yang diterjemahkan dalam misi *futuhat* berjaya mengubah sejarah dunia apabila berjaya menyingsirkan kedua-dua kuasa besar ini. Semua ini bukannya diraih dengan mudah, bahkan terpaksa dibayar dengan tukaran nyawa yang syahid dan pengorbanan tinggi para sahabat. Jika diamati kembali, sejak Abu Bakar diangkat menjadi khalifah pertama, beliau tanpa berlengah meneruskan kerja-kerja asas yang telah dirangka oleh Rasulullah s.a.w dalam membangun ummah menurut lunas-lunas yang telah digariskan dalam Islam ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Apa yang menarik juga ialah kesediaan beliau melaksanakan operasi awal pembuka jalan *futuhat* di wilayah Rom dan Parsi. Era Khalifah ^cUmar menyaksikan pembukaan wilayah menjadi lebih mudah dan akhirnya keseluruhan wilayah Rom dan Parsi dapat dikuasai. Semasa Sayyidina ^cUthman menduduki jawatan khalifah pula, sungguhpun aktiviti *futuhat* terpaksa diimbangi dengan misi menundukkan pemberontakan di dalam wilayah Islam yang semakin menjadi-jadi, namun kerancakan *futuhat* terus melebar dan meluas sehingga menjangkau ke Transoxiana di timur dan Afrika Utara di barat. Pun begitu, fokus *futuhat* agak perlahan semasa zaman Sayyidina Ali apabila beliau terpaksa menumpukan tugasnya kepada menghadapi konflik dan kegawatan politik yang tiada berpenghujung sehinggalah beliau sendiri menjadi mangsa api fitnah dan penyebab kematiannya. Realitinya, pentadbiran dan pemerintahan kesemua khalifah telah berjaya memberi impak bernilai tinggi sehingga berjaya mengangkat Islam kepada satu tanda aras yang sangat berprestij dan disegani di mata dunia sehingga kesannya dapat dinikmati oleh generasi Islam selepasnya.

Rujukan

- al-Ali, Salih Ahmad, 2004. *al-Futuhat al-Islamiyyah*. Beirut: Sharikat al-Matbu^cah li al-Tawzi^c wa al-Nashr
- Akram, al-Jeneral, 1994. *Sayf Allah Khalid ibn al-Walid Dirasah Askariyyah Tarikhyyah 'an Maarakah wa Hayatihi*. Terj. al-Jabi, Subhi. Beirut: Muassasat al-Risalah.
- Ali, Muhammad, 1932. *The Early Caliphate*. Terj. Imam Musa. Jakarta: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- al-Baladhuri, 1988. *Futuh al-Buldan*. Jil. 1. Beirut: Dar wa Maktabat al-Hilal.
- al-Buttush, Yahya, 2014. *Perancangan Ketenteraan dalam al-Sunnah*. Terj. Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera. Kuala Lumpur: Penerbit Markas Angkatan Tentera Malaysia
- Doak, Robin, 2005. *Empire of the Islamic World*. New York: Facts on File, Inc.
- Ezad Azraai Jamsari, Salmy Edawati Yaacob, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, 2013. “Rentetan Perperangan dalam Kitab al-Bidayah wa al-Nihayah karya Ibn Kathir al-Dimashqi.” *Journal of Al-Tamaddun*, 8(2), 63-80
- Febri Kusuma, 2013. Modus Eksansi Islam: Dari periode awal Sampai Dinasti Umayyah. *Media Akademika* 28 (1): 113-134.
- al-Hamawi, 1993. *Mu'jam al-Udaba'*. Tahqiq. ^cAbbas, Ihsan. Jil. 6. Beirut: Dar al-Garb al-Islami.

¹⁵⁷ Ezad Azraai Jamsari, Salmy Edawati Yaacob, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari (2013), Rentetan Perperangan dalam Kitab al-Bidayah wa al-Nihayah karya Ibn Kathir al-Dimashqi. *Journal of Al-Tamaddun*, 8(2), 74-75

al-Hamawi, 1995. *Mu'jam al-Buldan*. Jil. 1, 2, 3, 4, 5 & 6. Bayrut: Dar Sadir.

<https://en.wikipedia.org/wiki/Tashkent> {30 Januari 2017}

<https://en.wikipedia.org/wiki/Turkmenistan> {30 Januari 2017}

<https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/dict/ar-ar/%D9%82%D9%87%D9%82/> {18 Oktober 2017}

Ibn al-Arabi, 2003. *Ahkam al-Qur'an*, Tahqiq. ḨAta, Muhammad ḨAbd al-Qadir. Jil. 3. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn al-Athir, 1987. *al-Kamil fi al-Tarikh*. Tahqiq. al-Qadi, Abi al-Fida' Abd Allah. Jil. 2. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn Kathir, 1977. *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Tahqiq. al-Turki, Abd Allah ibn Abd al-Muhsin. Jil. 9. t.tp.: Dar al-Hijr li al-Tabaa'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-Ilan.

Ibn Kathir, 1988. *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Tahqiq. Shiri, Ali. Jil. 7. t.tp.: Dar al-Hijr.

Ibn Kathir, 2002. *Tartib wa Tahzib al-Bidayah wa al-Nihayah*. Terj. Abu Ihsan al-Atsari. Jakarta.: Dar Haq.

Kamal, Ahmad Adil, 2010. *Atlas of the Islamic conquest*. Riyad: Dar al-Salam.

al-Liham, Ahmad Bek, 1986. *Abqariyyah Khalid ibn al-Walid al-Askariyyah*. Jeddah: Dar al-Manarah.

Marzuki Haji Mahmood, 1994. *Isu-isu Kontroversi dalam Sejarah Pemerintahan Khulafa' al-Rashidin*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

al-Misri, 1994. *Futuh Misr wa al-Maghrib*. t.tp.: Maktabat al-Thaqafah al-Diniyyah.

Mohd Rashad Shamsuddin, 2009. *Khulafa' Rashidun dan Daulah Islamiyyah*. Kuala Lumpur: al-Hidayah.

al-Naysaburi, 1990. *Al-Mustadrak Ḩala al-Sohihayni*. Tahqiq. Ata, Mustafa Abd al-Qadir. Jil. 4. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.

al-Qurtubi, 1964. *al-Jami' li Ahkam Al-Qur'an*. Tahqiq. al-Bardawi, Ahmad & Atfish, Ibrahim. Jil. 12. Qahirah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.

al-Sallabi, Ali Muhammad, 2004. *Sirah amir al-Mukminin Uthman ibn Affan: Shakhsiyatuhu wa Asruhu*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah

al-Sallabi, Ali Muhammad, 2005. *Sirah Amir al-Mukminin Umar Ibn al-Khattab: Shakhsiyatuhu wa Asruhu*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.

Shakir, Mahmud, 2002. *Mausu'at al-Futuhat al-Islamiyyah*. Amman: Dar 'Usamah li al-Nashr wa al-Tawzi'

al-Shaykh, Abd al-Sattar, 2003. *al-Khulafa' al-Rashidun Hayat Majidah wa A'mal Khalidah*. Dimashq: Dar al-Qalam.

al-Tabari, 1966. *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*. Jil. 3 & 4. Bayrut: Dar al-Turath.

al-Tabari, 2000. *Jami' al-Bayan fi Ta'wil Al-Qur'an*. Tahqiq. Shakir, Ahmad Muhammad. Jil. 19. t.tp.: Muassasat al-Risalah.

al-Umri, Akram Diya', 1992. *Asr al-Khilafah al-Rashidah*. Madinah: Maktabat al-'Abikan.

al-Waqidi, 1997. *Futuh al-Sham*. t.tp.: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.